



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CHICKENS CAN ONLY CROSS THE CAUSEWAY TOMORROW, SAY FARMERS, NATION, THE STAR -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	2,204 NELAYAN ZON A TERIMA BANTUAN PUKAT, NEGERI P.PINANG, SH -27	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	AGROBANK BANTU PENGGIAT SENI, EKONOMI, UM -35	AGROBANK
4.	BEKALAN TELUR DI JB KURANG, LOKAL, HM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Chickens can only cross the Causeway tomorrow, say farmers

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Singaporeans can't wait to get their hands on fresh chicken from Malaysia - but they will have to hold on a little longer.

Poultry farms here have yet to receive their export permit and are likely to send chicken to the republic only from tomorrow.

"It usually takes up to three days for the permits to be approved and issued by the Veterinary Services Department (DVS).

"Since Monday was a public holiday, the process has been delayed - It is unavoidable," said Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia's broiler unit chairman Kwei Yew Tong.

"Even in the best case-scenario, we expect the chicken to enter Singapore on Thursday. There, they have to be slaughtered, packed and distributed and can only hit the market on Friday," he told *The Star*.

The export of chicken was banned on June 1 to tackle the supply shortage and pricing issues within the country.

On Monday, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee said the ban would be eased in phases starting from Tuesday.

Kwei said that exporting breeders, who have been "suffering for four and a half months", are relieved over the lifting of the ban.

"Farms that breed chicken for export are different from those supplying to the local market due to the strict export requirements and overseas standards. This also means higher operational costs."

Kwei said almost 100 exporting breeders are involved, but it is not known how many have obtained export permits, adding that the export volume this time was likely to start at about half of the previous quota of 3.6 million chickens per month, or 73,000 tonnes a year.

"Singaporeans are also quite keen on getting Malaysian chicken again as the taste and texture of fresh poultry is juicier and better than frozen chickens (that they now get from Thailand and Brazil)," he said.

Several Singaporeans *The Star* spoke to said they were looking forward to buying chicken from Malaysia again.

Housewife Fatimah Zainal, 46, said there was a big difference in terms of taste between fresh and frozen chickens.

She said the kampung chicken allowed into Singapore during the export ban was tougher and not as tasty.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PULAU PINANG	27

2,204 nelayan zon A terima bantuan pukot

GEORGETOWN - Seramai 2,204 nelayan zon A yang berdaftar di negeri ini menerima RM400 bantuan pukot daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin berkata, kerajaan negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM881,600 kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang pada 13 Jun 2022.

Menurutnya, LKIM akan membuat pembayaran ke akaun 2,204 nelayan yang layak dalam tempoh terdekat.

“Penerima merupakan nelayan zon A yang terdiri daripada penerima elaun sara hidup nelayan LKIM bagi kelulusan bayaran Januari 2022 yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

“Pengagihan bantuan tunai ini melibatkan nelayan-nelayan dari kawasan

Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang, Tanjung, Bungah, Pulau Betong, Bayan Lepas dan Batu Maung.

“Manakala di daerah Seberang Perai, bantuan akan diagihkan kepada nelayan dari kawasan Penaga, Bukit Tambun, Bukit Tengah, Sungai Acheh dan Bagan Jermal,” katanya dalam kenyataan di sini pada Rabu.

Pada 2020, Dr Norlela telah menyalurkan Bantuan Pukot Kepada Nelayan bernilai RM400 kepada 5,814 orang nelayan dan awak-awak dengan menelan belanja sebanyak RM2.325 juta ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jelas beliau, bantuan pukot yang disalurkan secara tunai pada 2022 itu telah dicadangkan oleh Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang untuk membantu nelayan membeli pukot mengikut keperluan nelayan masing-masing.

Agrobank bantu penggiat seni

PETALING JAYA: Agrobank sedia membantu penggiat seni tanah air merencanakan lagi perniagaan mereka menerusi pelbagai penawaran produk pembiayaan dan perkhidmatan bank berkenaan.

Bantuan termasuk sesi perkongsian ilmu tadbir urus perniagaan dan kewangan, penyediaan kertas kerja perniagaan serta penjenamaan produk.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, hasil perbincangan melalui sesi taklimat antara Agrobank dan lebih 30 penggiat seni tanah air, beliau melihat potensi besar yang boleh diketengahkan.

“Kami di Agrobank amat berbesar hati untuk turut sama membantu penggiat seni tanah air merencanakan lagi perniagaan mereka dengan pelbagai program pembiayaan dan inisiatif yang bersesuaian dan menarik, sekali gus merencanakan lagi sektor pertanian dan agromakanan negara,” katanya dalam kenyataan.

18/10/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

22

Bekalan telur di JB kurang

Johor Bahru: Pengguna di bandar raya ini mengeluh kerana sukar mendapatkan telur ayam, berikutan bekalan yang didakwa berkurangan sejak dua minggu lalu.

Tujuan di kedai runcit dan pasar mini sekitar Pandan dan Iskandar Puteri di sini, semalam, mendapati kebanyakan premis sudah kehabisan stok telur untuk dibeli pengguna.

Rak-rak tempat jualan telur juga dilihat kosong dan hanya kelihatan beberapa pek telur masin dan telur puyuh sahaja.

Peniaga kedai runcit di Kampung Paya Kenangan, Hakim Umar, 32, berkata, bekalan telur di kedainya sudah kehabisan dibeli pengguna sejak seminggu lalu.

"Pembekal hanya menghantar bekalan telur se-

minggu sekali iaitu pada hari Jumaat dengan bekalan sebanyak 20 hingga 30 pek telur jenis Omega berbanding telur papan biasa.

"Walaupun telur jenis Omega ini mahal sedikit, pengguna tiada pilihan. Biasanya tidak sampai sehari pek telur sudah kehabisan.

"Pembekal mendakwa berlaku gangguan bekalan telur papan bersubsidi menyebabkan banyak tempahan dibuat pekedai tidak dapat dipenuhi," katanya ketika ditemui, semalam.

Ahad lalu, media melaporkan pemberian subsidi kepada penternak dan pengeluar telur ayam akan ditamatkan dari Oktober hingga Disember ini, selari persejuaian dicapai pada mesyuarat Kabinet Jumaat lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri

Dr Ronald Khandee dilaporkan berkata, ia membabitkan kadar 80 sen bagi sekilogram ayam, manakala lapan sen bagi sebiji telur dengan keputusan itu dibuat selepas mengambil kira harga siling kedua-dua bahan berkenaan.

Pengguna, Nor Azura Md Amin, 32, berkata, sejak bulan lalu orang ramai sukar mendapatkan bekalan telur ayam berikutan ia sering kehabisan di pasaran sekitar bandar raya ini.

"Sekarang kena pergi banyak lokasi kedai untuk cari telur namun kebanyakan premis maktumkan bekalan telur sudah habis.

"Peniaga mendakwa tidak banyak stok telur yang dihantar pembekal namun tiada alasan kenapa stok tidak banyak," katanya.

Bagaimanapun, Pengarah



HAKIM meletakkan nota memaklumkan tiada bekalan telur di kedai runcitnya di Kampung Paya Kenangan, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor Hakim Umar Bohro ketika dihubungi berkata, isu kekurangan bekalan telur di bandar raya berlaku hanya di sesetengah kawasan.

"Kemungkinan pusingan belian yang tinggi menyebabkan berlaku kehabisan bekalan telur di banyak lokasi di bandar raya ini.

"Belian pukal oleh sege-

lan telur di sesetengah lokasi kehabisan.

"Namun, kita akan tetap membuat pemantauan bagi memastikan bekalan telur

tidak menghadapi masalah sekali gus menyelesaikan pengguna," katanya.